



COSMIC HEALTH RESTORE SDN BHD (848966-W)

(Formerly known as COSMIC NATURE HEALTHCARE SDN BHD)

Energize your life !

Wisma Cosmic
NO. 2A Jalan Rampai Niaga 1, Rampai Business Park,
Taman Sri Rampai, 53300 Setapak, Kuala Lumpur, Malaysia.

Website: www.cosmicnature.com Email : enquiry@cosmicnature.com Tel: 03-4143 3840 Fax: 03-4143 3841

Cosmic Energy Sauna



Cosmic Energy Sauna ialah satu-satunya sauna mudah alih dalam dunia ini yang menggunakan teknologi khas, iaitu semi-konduktor untuk menjanakan sinaran inframerah panjang yang **tulen (4-14 Mikron)**.

Konsepnya yang menggunakan sinaran inframerah panjang bagi untuk mendapatkan badan yang lebih sihat bukan sahaja memberi kesan terhadap permukaan kulit, tetapi juga menyalurkan tenaga sehingga jauh ke dalam tisu-tisu dan sel-sel badan.

Cosmic Energy Sauna adalah 100% selamat digunakan dan teknologi yang dipraktikkan juga didaftarkan dengan FDA (Food and Drug Administration US) sebagai peranti perubatan.

Ia adalah produk yang unggul untuk orang ramai yang mengejar kesihatan, kecantikan dan tenaga dalam kehidupan.

Kelebihan Cosmic Energy Sauna

- ❖ Membuang bahan-bahan toksin dalam badan.
- ❖ Membakar sehingga 600 kalori bagi setiap sesi rawatan / 15 minit.
- ❖ Meningkatkan tekstur kulit.
- ❖ Memperbaiki peredaran darah dalam badan.
- ❖ Meningkatkan kadar metabolisma dengan mendorong pengaliran bendalir badan.
- ❖ Meningkatkan daya ketahanan badan.
- ❖ Melegakan kesakitan otot dan sendi.
- ❖ Mengurangkan kekejangan sendi.
- ❖ Mengurangkan tekanan dan keletihan.
- ❖ 7 kali lebih berkesan dalam konteks penyahtoksin.

Kenapa mesti pilih Cosmic Energy Sauna

1. Mudah Alih

- ❖ Boleh melakukan sauna di mana-mana tempat yang dikehendaki.
- ❖ Mengelak daripada berkongsi ruang sauna dengan orang ramai.
- ❖ Dapat menikmati keseronokkan sauna di rumah sendiri.

2. Jimat tenaga dan ruang

- ❖ Kadar penggunaan elektrik yang lebih rendah berbanding dengan produk-produk sauna yang lain.

3. Persediaan yang ringkas dan mudah

- ❖ Dapat disediakan dalam masa beberapa minit
- ❖ Pemanasan secara automatik (tidak perlu pemanasan awal)

4. Kesan penyahtoksinan yang ketara

- ❖ Daya penembusan yang kuat sehingga ke tisu-tisu dalam badan.

5. Langkah penjagaan yang senang

- ❖ Senang dibersihkan.

Specifications



Kuasa	: 220 ~ 240V , 60Hz
Kuasa output	: 1000W + 5% ~ 10%
Fius keselamatan	: 13A (palam)
Saiz penutup sauna (pemasangan)	: 0.75m (luas) x 1.62 m (panjang) x 0.48m (tinggi)
Saiz penutup sauna	: 0.90m (luas) x 1.97m (panjang)
Saiz mat	:0.25m (luas) x 0.88m (panjang) x 0.5m (tinggi)
Saiz beg (lengkap)	: 0.24m (luas)x 0.85m (panjang) x 0.52m (tinggi)
Berat bungkusan	: 7.1 kg

Sijil

Paten :



USA



USA



TAIWAN-1



TAIWAN-2



TAIWAN-3



GERMAN-1



GERMAN-2



KOREA



CHINA-1



CHINA-2



JAPAN

Ujian yang diluluskan :



FDA



GMP



IEC



ISO9001



JAPAN



SGS-1

(4 ~ 14 micron FIR)



SGS-2



TAIWAN



TUV GS 1



TUV GS 2



TUV

Cosmic Energy Sauna

Soalan-soalan Yang Lazim Ditanya



A. Teknologi dan keselamatan

- 1) Adakah inframerah panjang sejenis bentuk radiasi yang berbahaya ? Adakah penggunaan Cosmic Energy Sauna membawa sebarang kesan sampingan?

Perbezaan yang paling ketara di antara sinaran inframerah panjang(FIR) dengan sinaran yang berbahaya ialah FIR sebenarnya merupakan keperluan tenaga haba asas untuk semua makhluk hidup. Di samping itu, semua benda hidup yang melakukan metabolisme akan menghasilkan FIR. Sinaran matahari mengandungi FIR yang diperlukan oleh makhluk hidup tetapi pada masa yang sama ia juga membawa bersama sinaran-X, Sinaran UV dan sinaran inframerah dekat (NIR) yang berbahaya. Pendedahan badan manusia kepada sinaran matahari untuk jangka masa panjang akan menyebabkan kulit terbakar dan kulit terkupas. Cosmic Energy Sauna direka bentuk supaya hanya mengeluarkan sinaran inframerah panjang 4~14 mikron (1 mikron = 1/1000 mm) . Tenaga yang dihasilkan melalui getaran molekul air dan penyerapan salunan dipindah jauh ke dalam tubuh badan dan sehingga ke sum-sum tulang. Oleh itu, Cosmic Energy Sauna membekalkan tenaga yang senang diserap oleh badan dengan tanpa perlu bimbang akan mendatangkan kesan-kesan sampingan kepada badan.

- 2) Adakah kulit saya akan menjadi kering? Adakah kulit akan terbakar ?

Pelecuran hanya akan berlaku jika permukaan kulit terdedah kepada gelombang yang panjangnya kurang daripada 3 mikron (contoh : inframerah dekat, UV) di mana ia berhenti di permukaan kulit dan tidak dapat diserap oleh badan. Lebih serius lagi ia boleh menyebabkan kulit terbakar. Badan manusia dapat memindahkan tenaga FIR 4~14 mikron melalui getaran dan salunan molekul-molekul air, protein dan molekul-molekul organik untuk diserap oleh sel-sel dan organ-organ dalaman. Proses ini mencegah kulit daripada terbakar. Tambahan pula, proses perpeluhan dan penyahtoksiran menyebabkan badan kehilangan air yang banyak, oleh itu kita perlu menambah bekalan air dalam badan dengan meminum air yang mencukupi sebelum dan selepas menggunakan Cosmic Energy Sauna bagi mengelak daripada mengalami dehidrasi.

B. Teknologi dan keselamatan

3) Adakah bil elektrik akan meningkat dengan mendadak kalau saya guna Cosmic Energy Sauna setiap hari?

Tenaga elektrik yang diperlukan oleh produk ini jauh lebih rendah berbanding dengan penggunaan peti sejuk dan penghawa dingin disebabkan oleh sesi penggunaan yang singkat. Cosmic Energy Sauna sesuai untuk digunakan oleh seisi keluarga untuk mengekalkan kesihatan sekeluarga.

4) Bolehkah saya mengguna Cosmic Energy Sauna setiap hari? Dan berapa lamakah yang diperlukan untuk setiap sesi rawatan?

Sudah tentu sekali. Malah, Cosmic Energy Sauna memang direka bentuk untuk penggunaan harian. Secara amnya, kebanyakan orang tidak mengamalkan amalan bersenam selalu. Cosmic Energy Sauna membantu dalam memperbaiki cara hidup yang kurang sihat tersebut. Kulit adalah alat penyahtoksiran yang terbesar dalam badan. Sesi selama 15minit sudah memadai untuk membuang toksin-toksin serta bahan-bahan buangan yang terkumpul dalam badan bagi memastikan ia sentiasa “bersih”. Peredaran darah menjadi lebih lancar, aktiviti sel-sel badan dirangsang, maka hilanglah keletihan badan. Penggunaan sauna ini memang berkesan mengurangkan risiko untuk mengidap penyakit-penyakit kronik seperti tekanan darah tinggi, penyakit jantung, kencing manis dan lain-lain lagi.

5) Bagaimanakah saya membersihkan sauna ini selepas guna? Adakah peluh saya akan menyebabkan alat sauna ini berbau?

Cara penjagaan adalah mudah. Lapkan radiator dan bahagian dalam sauna dengan kain basah. Semi-konduktor seramik yang disalut dengan oksida titanium boleh membunuh bakteria, apa yang anda perlu lakukan ialah memasang sauna dan biarkan selama 2~5 minit selepas guna bagi menghilangkan bau-bau yang kurang menyenangkan. (Selalu pastikan anda menanggalkan palam radiator sebelum memulakan proses pembersihan. Anda tidak dinasihat untuk membersihkan sauna dengan sebarang agen pencuci yang kuat.)

6) Bolehkah saya mandi sejeurus selepas mengguna sauna?

Ya, boleh. Keringkan badan terdahulu dan rehat sebentar sebelum pergi mandi. Tenaga FIR tidak tertumpu pada permukaan kulit melalui getaran dan penyerapan oleh badan. Bahagian dalaman badan kekal panas, air sejuk tidak dapat menembusi riang-riang roma, oleh itu anda tidak akan rasa kesejukan.

7) Saiz Cosmic Energy Sauna terlalu besar! Rumah saya terlalu kecil untuk memuatkan Cosmic Energy Sauna.

Cosmic Energy Sauna datang dengan rekaan yang boleh dilipat menjadikan ia senang untuk disimpan. Lebih-lebih lagi ia memang alat yang sesuai untuk membantu menjaga kesihatan seisi keluarga. Oleh sebab itu, ruang bukanlah suatu masalah besar. Alat ini membawa manfaat yang lebih kepada keluarga anda jika dibandingkan dengan televisyen atau peti sejuk, apatah lagi ia cuma mengambil masa 5 minit untuk memasang dan menyimpan alat ini.

C. Konsep pencegahan penyakit

8) Kenapa orang ramai perlu menggunakan Cosmic Energy Sauna? Macamana pula dengan golongan yang selalu bersenam? Perlukah mereka guna produk ini?

(1) Dari pandangan Perubatan Cina Tradisional : Sauna membantu merangsang pengaliran darah dan mengurangkan gumpalan darah. Orang yang jarang bersenam mengalami peredaran darah yang kurang baik dan lebih cenderung mengidap penyakit Iskemia. Orang yang mempunyai peratusan lemak badan yang tinggi mengalami pengaliran darah yang lemah disebabkan lemak dalam badan mereka melambatkan pengaliran darah. Apabila pengaliran darah dalam badan menjadi lemah, gumpalan darah mudah terjadi. Oleh itu, anda memerlukan sauna untuk merangsangkan peredaran darah dalam badan.

(2) Bagi golongan yang selalu bersenam: Secara amnya,

(a) Bersenam membantu menguatkan otot-otot dan tulang-tulang di samping mengekalkan kadar metabolisme

(b) Menguatkan otot jantung dan mengembalikan denyutan jantung ke tahap yang sihat

(c) Memelihara aktiviti peparu. Akan tetapi, senaman tidak membawa manfaat kepada pengaliran mikro di dalam organ-organ dalaman. Selain itu senaman juga menghasilkan asid laktik dalam kuantiti yang besar di mana ianya hanya boleh dihapuskan melalui penggunaan Cosmic Energy Sauna.

Cosmic Energy Sauna vs Bersenam dan bekerja :

Huraian	Bekerja	Bersenam (lari perlahan / berjalan pantas)	Cosmic Energy Sauna
Otot-rangka (anggota badan)	* Beban * perkumpulan asid laktik	*Beban *lebih banyak perkumpulan asid laktik	* tanpa bebanan * tiada penghasilan asid laktik
Jantung, Paru- paru	sedikit membantu	Memperkuatkan	Mengurangkan bebanan Jantung disamping menguatkan paru-paru
Pengaliran Darah	Membantu secara sederhana	Membantu	Membantu dalam pengaliran mikro&terminal & fungsi organ
Penyahtoksinan	N.A	Sedikit membantu ; meningkatkan pengumpulan Asid Laktik	Kesan pemanasan secara dalam mendorong perpeluhan lalu membuang urin,asid laktik dan lain-lain bahan toksin dari badan.
Kesan Perpeluhan	Bergantung kepada individu, lebih banyak untuk bahagian-bahagian badan tertentu	Bergantung kepada individu, membantu untuk golongan yang tidak dapat berpeluh; perpeluhan berlaku pada bahagian-bahagian badan tertentu	Membantu mereka yang menghadapi masalah perpeluhan membuka kalenjar peluh; perpeluhan secara menyeluruh, membuang benda-benda toksin melalui riang roma
Pembakaran kalori	sedikit	600 kalori (1jam / 10km)	600 kalori (15 minit)

D. Kecantikan dan melangsingkan badan

9) Adakah Cosmic Energy Sauna membantu dalam melangsingkan badan?

Cara yang semulajadi dan sihat untuk mengurangkan berat badan adalah dengan meningkatkan kadar metabolisma badan. Penggunaan Cosmic Energy Sauna yang berterusan setiap hari (keluar dan masuk), dengan kesan pemanasan secara mendalam, dapat membantu meningkatkan kadar metabolisma seseorang. Jika disertai dengan cara pemakanan yang sihat, maka tidak susah untuk mencapai berat badan yang diidami dan memiliki badan yang sihat pada waktu yang sama.

10) Saya risau saiz payu dara saya akan mengecut (contoh dari cup C turun ke cup B) jika menggunakan Cosmic Energy Sauna, adakah keadaan ini akan berlaku?

Dengan anggapan bahawa anda menggunakan Cosmic Energy Sauna ini untuk tujuan melangsingkan badan, maka ia lebih cenderung untuk memperketatkan kulit di sekitar buah dada berbanding dengan keturunan saiz payu dara. Sebahagian besar kandungan payu dara wanita terdiri daripada lemak, dan individu yang berlainan mengalami penurunan berat pada bahagian-bahagian badan yang berlainan. Kecenderungan untuk saiz payu dara jatuh dari C ke B adalah tipis kecuali berlakunya penurunan berat badan secara mendadak.

11) Bolehkah Cosmic Energy Sauna mengekalkan keanjalan otot?

Tenaga haba membantu merangsang pembaharuan selular dalam saluran darah (termasuk kapilari) , aliran darah dan juga otot-otot . Ini menjelaskan kenapa penggunaan produk ini dengan kerap dapat membantu meningkatkan kandungan oksigen dalam darah, justeru membawa kepada permukaan kulit yang nampak lebih muda dan jelita. Jika disertai dengan senaman yang mencukupi, maka anda boleh memiliki kulit yang lebih licin lagi berseri.

E. Kesan-Kesan

12) Saya risau terhadap bintik-bintik merah yang tumbuh pada kulit saya selepas memulakan rawatan Cosmic Energy Sauna. Apakah puncanya? dan adakah ia normal kalau rasa gatal ?

Penumbuhan Bintik-bintik merah pada kulit dan rasa gatal adalah gejala-gejala biasa yang menunjukkan badan anda sedang melalui suatu peringkat penyesuaian di mana penyahtoksiran sedang berlaku. Apabila bahan-bahan toksin dalam badan tidak dapat dikeluarkan dengan sepenuhnya dari badan oleh saluran darah, mereka akan bertukar menjadi bintik-bintik merah pada kulit. Individu yang berlainan akan mengalami gejala-gejala yang berlainan dan tindakbalas sebegini tidak seharusnya terus berlaku selepas satu atau dua kali rawatan Sauna. Lebih-lebih lagi ia biasanya mengambil masa beberapa minggu untuk menjadi simptom tersebut. Bukan semua orang akan mengalami gejala sebegini tetapi anda tidak perlu risau jika ia berlaku atas anda.

13)Dulu saya selalu sakit kepala, dan selepas saya mula mengguna Cosmic Energy Sauna, masalah ini kembali merunsing saya! Saya rasa tertekan, kenapa semua ini boleh berlaku ?

Kesakitan ini berpunca daripada peredaran darah yang tidak lancar di bahagian kepala.Ubat yang diambil selama ini tidak sekaligus menghapuskan punca yang sebenar berlakunya sakit kepala sebaliknya cuma meredakan saraf agar anda tidak terus rasa sakit. Apa yang Cosmic Energy Sauna lakukan ialah memperbaiki keseluruhan peredaran darah dan merangsang pembaharuan selular supaya dapat memulihkan fungsi saraf yang dalam keadaan kejang kembali ke keadaan asal.Ini cumalah waktu penyesuaian badan dan rasa tidak selesa ini akan hilang tidak lama lagi jika anda memanfaatkan penggunaan Cosmic Energy Sauna. Malah anda tidak perlu lagi mengambil ubat untuk sembuh sepenuhnya apabila kedua-dua "Qi" (tenaga dalaman) dan pengaliran darah diperbaiki.

14)Adakah ia normal jika rasa pening selepas sesi sauna?

Tenaga FIR membantu mengembangkan salur-salur darah tetapi kuantiti darah dalam badan masih sama, maka kepala akan mengalami kekurangan oksigen serta darah. Ini menjelaskan kenapa boleh berlakunya pening kepala seperti yang disebut di atas. Konsepnya sama seperti segelintir orang yang rasa pening selepas bersenam. Gunalah Cosmic Energy Sauna setiap hari untuk membantu dalam "penghasilan" darah yang seterusnya dapat membanteras punca utama berlakunya pening kepala. Bagi pesakit-pesakit Iskimia (darah tidak cukup) dan anemia (kekurangan darah) , baring dan mengangkat kaki ke paras lebih tinggi dari kepala boleh mendorong darah untuk mengalir ke arah kepala dan melegakan pening kepala yang dialami.

15)Kenapa saya selalu rasa lapar dan rasa mengantuk selepas menggunakan Cosmic Energy Sauna ?

Pengaliran darah meningkat, kadar metabolisma mengalami pergolakan yang tiba-tiba lalu merangsang perpeluhan serta penyahtoksin menyumbang kepada kebakaran kalori serta nutrisi. Ia menolong melegakan keletihan, mengurangkan tekanan darah serta dapat merehatkan otot-otot badan.Oleh itu, anda perlu mengisi semula nutrisi-nutrisi dan dapatkan rehat yang secukupnya. Pengguna untuk kali pertama akan lebih cenderung untuk rasa lapar dan terasa ingin tidur selepas beberapa jam kemudian. Atlet mengalami perubahan dalam badan yang sama, mereka juga akan merasa lapar dan mengantuk selepas melakukan senaman. Walaubagaimanapun, anda akan berasa lebih bertenaga dan dapat tidur dengan lena apabila badan anda sudah biasa dengan perubahan yang berlaku semasa penggunaan Cosmetic Energy Sauna.

16)Kenapa bahagian-bahagian badan tertentu rasa lebih hangat & sakit berbanding dengan bahagian-bahagian badan yang lain selepas menggunakan Cosmic Energy Sauna?

Kawasan yang mengalami kesan yang lebih kuat itu adalah disebabkan oleh kekurangan oksigen dan pengaliran darah yang tidak lancar pada bahagian tersebut. Ia mungkin juga boleh disebabkan oleh kecederaan lama. (sila rujuk kepada soalan 20)

17) Kenapa saya kurang berpeluh selepas saya mula guna Cosmic Energy Sauna? (adakah cuaca merupakan salah satu faktor?)

- (1) Ini berkaitan dengan kandungan air dalam badan. Apabila kandungan air dalam badan adalah sikit, perpeluhan akan jadi kurang; cuaca sejuk adalah salah satu punca kerana tenaga yang lebih banyak diperlukan untuk membuka liang-liang roma dalam keadaan cuaca yang sejuk.
- (2) Walaupun berlaku kurang atau tiada langsung perpeluhan, pengaliran mikro dalam badan tetap akan dirangsang apabila anda mengguna Cosmic Energy Sauna. Oleh itu, anda tidak perlu rasa bimbang.
- (3) Anda tidak digalakkan untuk menilai keberkesanan sauna berpandukan bilangan perpeluhan yang berlaku. Peluh akan terhasil sendiri apabila pengaliran dalam badan bertambah bagus.

18) Kenapa waktu tidur saya menjadi kurang selepas saya mula guna Cosmic Energy Sauna?

Pengaliran dan peredaran darah dalam badan akan menjadi lebih lancar dan semakin mantap selepas beberapa kali menjalani sesi sauna. Ini membolehkan anda memperolehi kualiti tidur yang lebih bagus. Justeru itu, anda tidak perlu waktu tidur yang panjang untuk badan berehat dengan secukupnya.

19) Kenapa luka lama saya rasa sakit selepas saya menjalani sesi sauna?

FIR membantu dalam merangsang pembaharuan selular agar luka cepat sembuh; Peredaran darah menjadi lebih lancar dan penyumbat salur darah akan dapat dihilangkan. Peredaran darah di kawasan luka sememangnya lebih lambat lalu mengakibatkan anda rasa sakit atau gatal. Tamatkan sesi sauna jika anda rasa sakit dan catatkan jangka masanya. Anda digalakkan untuk terus melakukan sauna mengikut atau untuk jangka masa yang lebih pendek berbanding dengan jangka masa yang dicatatkan sebelum ini. Anda boleh meningkatkan jangka masa menjalani sesi sauna dari masa ke semasa selepas beberapa kitaran pembaharuan selular dan penyembuhan luka dalam badan bertambah baik.

F. Masalah khusus

20) Adakah ia akan menjejaskan proses penghasilan sperma untuk kaum lelaki jika mengguna Cosmic Energy Sauna setiap hari?

Organ reproduktif lelaki tidak menghasilkan sperma sepanjang hari (24jam). Sesi sauna selama 15 minit tidak akan menjejaskan keupayaan jantan dalam konteks penghasilan sperma. Berbeza dari sauna tradisional, Cosmic Energy Sauna hanya melepaskan tenaga FIR dalam suhu rendah, jadi ia tidak akan ada kesan-kesan sampingan yang berpunca dari suhu tinggi.

21) Adakah orang yang memakai peranti jantung serta orang yang memasang rod besi sokongan di kaki sesuai untuk menjalani sauna ini?

Alat-alat sokongan medikal yang tersebut di atas dikelilingi oleh tisu-tisu otot. Tenaga FIR menembusi kulit dan diserap jauh ke dalam tubuh badan; peredaran darah yang lebih lancar membantu menyebarkan tenaga haba ke seluruh bahagian tubuh badan secara rata dan bukan hanya tertumpu pada bahagian-bahagian badan yang tertentu sahaja. Perpeluhan yang berlaku semasa proses penyahtoksikan menyebabkan suhu badan menurun. Oleh itu, suhu di kawasan dimana peranti jantung dipasang selalu berada pada tahap yang sesuai untuk badan manusia. Peraturan asas dalam penggunaan apa-apa saja produk yang menjanakan FIR ialah ia tidak boleh digunakan secara terus ke atas bahagian tubuh badan yang dilitupi objek-objek asing. Ini bagi mengelak daripada sebarang pantulan atau penolakan tenaga haba yang disalurkan ke atasnya.

G. Penyakit kronik

22) Bagaimanakah pasakit tekanan darah tinggi, penyakit jantung, kencing manis, kemurungan, penyakit bipolar, tekanan alam kerja dan sebagainya mendapat manfaat dari Cosmic Energy Sauna?

- (1) Hipertensi – sistem peredaran darah merupakan pengaliran darah yang berterusan dari jantung ke bahagian-bahagian tubuh badan dan sebaliknya tanpa berhenti. Peredaran harus sentiasa berlaku untuk manusia terus hidup. Arteri-arteri adalah pengedar yang membawa darah yang penuh dengan oksigen ke seluruh badan. Manakala Urat-urat merupakan pengedar yang mengembalikan darah yang kekurangan oksigen balik ke jantung. Secara amnya terdapat dua jenis tekanan darah :
 - (a) Systolic Blood Pressure (SBP) ialah tekanan dalam salur darah apabila jantung sedang mengecut atau ketika sedang mengedar darah keluar dari jantung.
 - (b) Diastolic Blood Pressure (DBP) ialah tekanan dalam salur-salur darah apabila jantung sedang mengembang atau ketika darah dari luar jantung sedang diedar balik ke jantung. Apabila berlakunya tekanan yang lebih tinggi daripada paras normal untuk kedua –dua SBP atau DBP, jantung akan terima isyarat bahawa tubuh badan tidak mendapat oksigen yang secukupnya daripada kitaran darah yang berlaku justeru ia terpaksa mengepam (mengecut dan mengembang) dengan lebih kuat. Keadaan sebegini sememangnya menambah bebanan ke atas jantung. Tetapi tekanan darah akan kembali ke paras normal jikalau oksigen yang secukupnya dibekalkan ke dalam peredaran darah. Penggunaan secara tetap Cosmic Energy Sauna membantu memperbaiki peredaran darah melalui pengembangan salur-salur darah dan mengurangkan saiz molekul kelompok air (lebih dari 90% kandungan plasma darah adalah terdiri daripada air) . Bernafas secara dalam, panjang dan perlahan ketika menjalani sesi sauna akan dapat mendorong peningkatan kandungan oksigen dalam darah.
- (2) Dari perspektif Perubatan Tradisional Cina, penyakit-penyakit kronik seperti kencing manis, kemurungan, penyakit bipolar dan tekanan alam kerja adalah berpunca dari pengaliran darah yang tidak mencukupi serta kekurangan nutrisi-nutrisi yang diperlukan oleh badan. Cara penyelesaian yang paling berkesan ialah dengan memastikan peredaran darah yang bagus dimana ia membawa oksigen yang mencukupi serta nutrisi-nutrisi ke seluruh badan.

23) Bagaimanakah Cosmic Energy Sauna membantu pengidap-pengidap penyakit dialisis, uremia (penyakit buah pinggang) , penyakit sendi, sakit sendi, penyakit yang berkaitan dengan tulang belakang dan osteophyte (pertumbuhan tulang –tulang kecil yang kurang normal) ?

- (1) Buah pinggang mengandungi berjuta-juta nefron (yang terdiri daripada kapilari-kapilari serta tubulus) yang berfungsi sebagai penapis bagi “membersihkan” darah dalam badan.
Bagi pesakit-pesakit buah pinggang serta mereka yang mengalami kemelesetan fungsi buah pinggang, keupayaan buah pinggang untuk menapis adalah rendah kerana nefron-nefron dalamnya sudah rosak. Oleh itu, golongan tersebut dinasihatkan supaya tidak minum air yang terlalu banyak. Cosmic Energy Sauna membantu dengan memindah asid urik, urin serta toksin-toksin keluar dari badan melalui perpeluhan. Anda boleh meningkatkan pengambilan air ke badan dari masa ke semasa seiring dengan peningkatan waktu sesi sauna. Anda perlu gigih dan bersabar supaya dapat meneruskan sesi sauna untuk tempoh yang panjang.
- (2) Penyakit sendi secara amnya berpunca daripada sistem imun (daya ketahanan badan semula jadi) yang tidak dapat berfungsi dengan baik. Sistem imun dalam tubuh badan kita boleh diperkuatkan dan dibaikpulih ke tahap yang sihat dengan memperbaiki sistem peredaran darah dan perangsangan fungsi pada selular-selular dalam badan.
- (3) Sakit sendi, penyakit-penyakit yang disebabkan oleh kedudukan tulang-tulang yang terkeluar dari posisi serta pertumbuhan tulang-tulang yang tidak sepatutnya, semuanya berpunca daripada ketegangan otot dan pengamalan posisi tubuh yang tidak betul untuk jangka masa yang panjang. Anda dikehendaki merujuk kepada pakar chiropraktor sebelum menjalani sesi terapi. Akan tetapi, Cosmic Energy Sauna dapat membantu keberkesanan terapi kerana ia membantu memperbaiki peredaran darah dan merangsang fungsi-fungsi selular di otot-otot dan juga tulang-tulang dalam badan.

24) Untuk mereka yang menjalani kimoterapi dan radioterapi?

- (1) Adalah penting untuk anda memahami bahawa fungsi Cosmic Energy Sauna ialah untuk meningkatkan tahap kesihatan seseorang secara keseluruhan (termasuk sistem imun) melalui proses penyah toksinan yang berkesan. Cosmic Energy Sauna tidak direka bentuk untuk menggantikan peranan atau fungsi rawatan dan nasihat perubatan. Oleh itu, pesakit-pesakit barah harus meminta dan menjalani rawatan yang sepatutnya. Walaubagaimanapun, rawatan perubatan akan membawa kesan yang lebih baik jika disertai dengan penjagaan kesihatan badan diri anda pada setiap masa.
- (2) Peningkatan kandungan oksigen dalam badan membantu pertumbuhan sel-sel yang sihat pada kawasan yang dijangkiti barah. Ianya membawa manfaat dengan menghalang sel-sel barah terus menyebar ke kawasan lain dalam badan. Cosmic Energy Sauna membantu penghantaran oksigen di dalam badan kita termasuk pada kawasan yang dijangkiti barah. Oleh itu, anda boleh menjangkakan bahawa status kesihatan akan bertambah baik jika sauna ini diguna seiring dengan rawatan medikal.
- (3) Mengurut tisu-tisu yang keras pada kedua-dua belah bahagian tulang belakang untuk melegakan ketegangan pada kawasan tersebut. Penggunaan Cosmic Energy Sauna dapat membantu memperolehi kesan yang lebih bagus dan ketara dengan sistem saraf pusat yang lebih aktif.

Buku kecil ini hanya untuk tujuan pendidikan. Untuk maklumat lanjut, Sila hubungi :